



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

**GARIS PANDUAN  
PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)  
AMALI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL**

---

## KANDUNGAN

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
1.	Tujuan	3
2.	Peranan dan Tanggungjawab	4
	2.1. Pentadbir Sekolah/Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS)	5
	2.2. Guru/Tenaga Pengajar	6
3.	Lokasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Amali	7
4.	Pelaksanaan PdP Amali	7
	4.1. Sebelum	7
	4.2. Semasa	8
	4.3. Selepas	9
5.	Pelaksanaan Latihan Amali di Industri	9
6.	Pelaksanaan Latihan Amali Urut	10
	6.1. Sebelum	10
	6.2. Semasa	11
	6.3. Selepas	11

## 1. Tujuan

- 1.1. Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Amali Teknikal dan Vokasional ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada pentadbir sekolah menengah, Kolej Vokasional (KV) dan Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 1.2. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan:
  - 1.2.1. Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (rujukan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2020 bertarikh 4 Jun 2020);
  - 1.2.2. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2015 dan Garis Panduan Pelaksanaan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA);
  - 1.2.3. Garis Panduan *Standard Operating Procedure* (SOP) Bagi Peralatan & Mesin, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2010;
  - 1.2.4. Panduan Pelaksanaan Program *Apprenticeship* Mod Sistem Latihan Dual Nasional di Kolej Vokasional,

- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2015;
- 1.2.5. Garis Panduan Pelaksanaan “*On-The Job Training*” (OJT) Kolej Vokasional, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia (Edisi 2018);
  - 1.2.6. Surat Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Persijilan Kemahiran (SPKM) Secara Bersemuka Semasa Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran bertarikh 3 Jun 2020;
  - 1.2.7. *Guidelines To Good Practices: Work-Based Learning (WBL)*, Malaysian Qualifications Agency (MQA) bertarikh 25 Februari 2016;
  - 1.2.8. *Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning 2nd Edition (2019)*. Malaysian Qualifications Agency (MQA); dan
  - 1.2.9. Surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan serta peraturan berkaitan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

## **2. Peranan dan Tanggungjawab**

Peranan dan tanggungjawab umum pihak yang terlibat adalah seperti yang berikut:

## **2.1. Pentadbir Sekolah/Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS)**

- 2.1.1. menyampaikan taklimat prosedur pelaksanaan PdP amali teknikal dan vokasional;
- 2.1.2. menyediakan jadual penggiliran kelas sekiranya kapasiti ruang dan peralatan tidak mencukupi;
- 2.1.3. menentukan bilangan murid untuk setiap sesi pembelajaran berdasarkan kapasiti ruang/kawasan/ladang dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan;
- 2.1.4. memastikan tiada sebarang aktiviti lawatan industri atau lawatan sambil belajar dilaksanakan sehingga pemakluman rasmi oleh KPM;
- 2.1.5. membuat hebahan berkala di sekolah untuk mengingatkan warga sekolah mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dan keselamatan berdasarkan prinsip mengelakkan 3C iaitu menjauhi kawasan sesak (*crowded place*), elak kawasan sempit (*confined space*) dan elak bercakap/bersembang dengan jarak yang dekat (*close conversation*); dan
- 2.1.6. menekankan amalan prinsip 3W iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun/pensanitasi tangan *hand sanitizer* (*wash*), memakai pelitup separuh muka (*wear*) dan amaran dari Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM) berkonsep peringatan (warn) termasuk penjarakan fizikal serta tidak bersalaman.

## **2.2. Guru/Tenaga Pengajar**

- 2.2.1. merancang bilangan murid mengikut kesesuaian tempat, ruang di dalam kawasan sekolah/kolej dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan;
- 2.2.2. melaksanakan aktiviti amali yang bersesuaian dengan menyediakan peralatan yang lengkap dan mencukupi untuk setiap murid;
- 2.2.3. melaksanakan penggiliran aktiviti amali sekiranya peralatan dan kapasiti ruang tidak mencukupi;
- 2.2.4. menekankan aspek kebersihan dan keselamatan sebelum, semasa dan selepas aktiviti amali;
- 2.2.5. menggalakkan murid membawa peralatan amali sendiri seperti kit kecantikan, *tool box* dan peralatan peribadi seperti tuala, pakaian bengkel, pelitup separuh muka (face mask) dan set pakaian keselamatan bengkel; dan
- 2.2.6. memastikan pemantauan OJT dan latihan sangkutan industri dilaksanakan dengan mematuhi semua SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan (KKM) dari semasa ke semasa.

### **3. Lokasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Amali**

Lokasi bagi melaksanakan PdP amali adalah seperti yang berikut:

- 3.1. bilik PdP seperti bengkel automatif, bengkel elektrik, bengkel kimpalan, makmal komputer, restoran, bengkel solekan dan lokasi lain yang dibenarkan oleh KPM; dan
- 3.2. luar bilik PdP seperti kolam ikan, tapak semaian, kawasan ternakan, ladang tanaman dan lokasi lain yang dibenarkan oleh KPM dengan mengelakkan kawasan yang sesak dan sempit.

### **4. Pelaksanaan PdP Amali**

Guru/tenaga pengajar perlu mengambil tindakan seperti yang berikut:

#### **4.1. Sebelum**

- 4.1.1. Menyediakan pelan laluan pergerakan terarah dan pelan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu individu ke satu individu dalam semua keadaan.

- 4.1.2. Menyediakan pelan susun atur dengan mengoptimumkan penggunaan bengkel/ruang/ladang/stor dan tempat amali (working area) lain yang bersesuaian.
- 4.1.3. Memastikan tempat dan peralatan amali telah dibersihkan serta selamat untuk digunakan.
- 4.1.4. Memastikan murid mencuci tangan atau menggunakan pensanitasi tangan (hand sanitizer) sebelum memulakan dan selepas selesai aktiviti amali.
- 4.1.5 Menyediakan jadual tugas mengemas dan menyusun atur stor dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan.

## **4.2. Semasa**

- 4.2.1. Memastikan hanya murid tidak bergejala sahaja mengikuti sesi amali.
- 4.2.2. Memastikan murid tidak berkongsi peralatan dan bahan amali semasa aktiviti.
- 4.2.3. Menggunakan peralatan sendiri seperti sudu, meter pelbagai (multimeter) dan pena uji (test pen) semasa menilai hasil kerja murid.
- 4.2.4. Melaksanakan PdP tanpa melibatkan sentuhan fizikal. Guru/tenaga pengajar boleh menggunakan



kreativiti dan kaedah yang bersesuaian sehingga pemakluman baharu dari semasa ke semasa.

- 4.2.5 Murid yang didapati bergejala ketika melaksanakan aktiviti amali hendaklah diasingkan dengan segera dan dibawa ke fasiliti kesihatan yang berhampiran untuk mendapatkan rawatan dengan mengambil langkah pencegahan jangkitan.

### **4.3 Selepas**

- 4.3.1. Memastikan semua peralatan dibersihkan dan disanitasi selepas digunakan.
- 4.3.2. Memastikan semua bahan pakai buang yang telah digunakan dibuang ke dalam tong sampah bertutup.
- 4.3.3. Memastikan murid yang ditugaskan sahaja menyusun peralatan yang telah digunakan.
- 4.3.4. Memastikan murid dan guru/tenaga pengajar perlu mencuci tangan dengan air dan sabun/pensanitasi tangan (hand sanitizer) selepas tamat aktiviti.

## **5. Pelaksanaan Latihan Amali di Industri**

- 5.1. Latihan sangkutan industri dan OJT dibenarkan.
- 5.2. Murid bergejala tidak dibenarkan menjalani latihan.
- 5.3. Pihak industri perlu memaklumkan kepada ibu bapa/penjaga dan pentadbir sekolah/ILKS sekiranya murid bergejala

semasa menjalani latihan. Murid perlu dibawa mendapatkan rawatan segera dengan mengambil langkah pencegahan jangkitan.

- 5.4. Semua pihak perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN, KKM, KPM, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), MQA, *Malaysian Board of Technology* (MBOT) dan agensi yang berkaitan dari semasa ke semasa.

## **6. Pelaksanaan Latihan Amali Urut**

Perkara-perkara berikut perlu dipatuhi bagi pelaksanaan latihan amali urut:

### **6.1. Sebelum**

- 6.1.1. Murid dan guru perlu mengimbas suhu dan menjalankan saringan gejala.
- 6.1.2. Murid dan guru yang bergejala dan mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C tidak dibenarkan memasuki bengkel dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran.
- 6.1.3. Katil urut/kerusi urut dijarak dua (2) meter dan perlu dilapik dengan fabrik/plastik, tuala dan kain yang perlu ditukar ganti dan disanitasi bagi setiap sesi amali.

- 6.1.4. Menyediakan pelitup separuh muka (face mask), pelindung muka (face shield), sarung tangan dan pensanitasi tangan (hand sanitizer) untuk murid.
- 6.1.5. Menyediakan tempat mencuci tangan dan sabun di bengkel.

## **6.2. Semasa**

- 6.2.1. Tempoh masa untuk setiap sesi amali tidak melebihi satu (1) jam.
- 6.2.2. Pemakaian pelitup separuh muka (face mask) dan pelindung muka (face shield) diwajibkan semasa rawatan.
- 6.2.3. Penggunaan sarung tangan diwajibkan untuk rawatan urutan.
- 6.2.4. Sarung tangan 'pakai buang' digunakan untuk satu (1) sesi urutan sahaja.
- 6.2.5. Membasuh tangan sebelum, semasa dan selepas sesi amali.
- 6.2.6. Mengurangkan komunikasi semasa sesi amali.

## **6.3. Selepas**

- 6.3.1. Pelindung muka (face shield) perlu dibersihkan dan disanitasi selepas digunakan.

- 6.3.2. Pelupusan *disposable sheets*, *shower cap*, pelitup separuh muka (face mask), pelindung muka (face shield) dan sarung tangan dibuang ke dalam tong sampah bertutup selepas digunakan.
- 6.3.3. Kain/tuala yang digunakan perlu dilipat dengan kemas tanpa dikibas dan disimpan dalam bekas bertutup sebelum dicuci.
- 6.3.4. Penggunaan bantal tidak digalakkan. Sekiranya perlu digunakan, sarung bantal wajib ditukar setelah tamat sesi amali dan disimpan dalam bekas bertutup sebelum dicuci.
- 6.3.5. Semua loker wajib dibersihkan, disanitasi dan dilabel 'TELAH DISANITASI' selepas digunakan.

-TAMAT-

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN DENGAN PELAKSANAAN PENGAJARAN**  
**DAN PEMBELAJARAN (PdP) AMALI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**1. Adakah aktiviti amali di luar bilik PdP seperti di ladang, tempat ternakan dan kolam ikan dibenarkan?**

Ya, dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan serta mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**2. Adakah aktiviti amali urutan dibenarkan?**

Ya, dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN, KKM, KPM dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (SOP SPA, *Wellness*, Pusat Urut Kaki dan Refleksologi) dari semasa ke semasa.

Amali urutan yang **dibenarkan** adalah seperti berikut:

- a. urutan badan
- b. urutan kaki refleksologi
- c. urutan bahu/kepala
- d. urutan muka/rawatan muka
- e. *manicure & pedicure*
- f. rawatan berasaskan air & haba seperti tab mandi/pengapungan/jakuzi/sauna/*steam*

Amali urut yang **tidak dibenarkan**:

- a. acara spa berkumpul & berpasangan;
- b. perkhidmatan pakej termasuk pra & pasca urutan melebihi satu (1) jam; dan
- c. skrub badan.

**3. Adakah aktiviti amali secara berkumpul selain daripada SPA, Wellness, Pusat Urut Kaki dan Refleksologi dibenarkan jika peralatan atau bahan tidak mencukupi?**

Ya, dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a. aktiviti amali dijalankan secara penggiliran;
- b. peralatan perlu disanitasi sebelum digunakan; dan
- c. membersihkan tangan dengan air dan sabun/pensanitasi tangan (hand sanitizer) sebelum dan selepas aktiviti amali.

**4. Adakah aktiviti senaman sebelum memasuki bengkel dibenarkan?**

Ya, dengan mengambil kira penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan. Aktiviti senaman yang melibatkan kontak secara fizikal tidak dibenarkan.

-TAMAT-